

KHUTBAH JUMAAT

“JANGAN BERPUTUS ASA DARIPADA RAHMAT ALLAH” (9 Julai 2021M/ 28 Zulkaedah 1442H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah *subhanahu wata'ala* mengurniakan kepada kita rahmat, berkat dan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. Khatib pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk “***Jangan Berputus Asa Daripada Rahmat Allah***”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Hakikat kehidupan di dunia ialah suatu persinggahan sementara dalam perjalanan kita menuju ke alam akhirat yang kekal abadi. Sudah menjadi ketetapan Allah *subhanahu wata'ala* bahawa setiap manusia itu pasti akan diuji sesuai dengan kemampuannya, sama ada dengan perkara yang disukai, ataupun perkara yang tidak

disukainya. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah al-A'raaf, ayat 168:

وَقَطَّعْنَاهُمْ فِي الْأَرْضِ أُمَّمًا مِّنْهُمْ الْمُصَلِحُونَ وَمِنْهُمْ دُونَ ذَلِكَ وَبَلَوْنَاهُمْ
بِالْحَسَنَاتِ وَالسَّيِّئَاتِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿١٦٨﴾

Maksudnya: *Dan Kami pecah-pecahkan mereka berpuak-puak (yang bertaburan di merata-rata) dunia ini. Antara mereka ada yang soleh dan antaranya juga yang tidak demikian. Dan kami uji mereka dengan nikmat pemberian yang baik-baik dan bala bencana yang buruk, supaya mereka kembali (bertaubat).*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Dalam situasi hari ini, kita semua, sama ada pemimpin ataupun rakyat, mereka yang berpendapatan tinggi mahupun tiada berpendapatan tetap, semuanya sedang diuji dengan wabak Covid-19 yang mencengkam kehidupan kita.

Ada sebahagian kita diuji dengan jangkitan wabak, kematian orang tersayang, konflik keluarga, masalah hubungan interpersonal, kehilangan pekerjaan, hilang sumber pendapatan, kerugian dalam perniagaan dan pelaburan, dan bermacam-macam lagi ujian yang dihadapi.

Ujian yang dihadapi ini menyebabkan sebahagian daripada mereka mengalami tekanan perasaan, kemurungan, kecewa, putus asa dan sebagainya. Hal ini mendorong mereka mengambil tindakan di luar batas agama dan kemanusiaan.

Menurut statistik pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), terdapat 631 kes bunuh diri telah direkodkan sepanjang tahun 2020 dan sebanyak 468 kes pula dalam tempoh Januari hingga Mei 2021. Selain itu, data Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia melalui Talian Nur 15999 menyatakan bahawa sebanyak 85.5 peratus daripada 145,173 panggilan yang diterima oleh agensi kerajaan untuk tempoh 25 Mac 2020 hingga 20 Mei 2021 membabitkan isu kesihatan mental yang memerlukan sokongan emosi dan kaunseling seperti stres akut, keresahan, kemurungan, penderaan dan tingkah laku bunuh diri.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Islam amat prihatin kepada matlamat menjaga nyawa. Oleh sebab itu, perbuatan membunuh termasuklah membunuh diri sendiri adalah dosa besar yang diharamkan oleh Islam. Abu Hurairah *radiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda maksudnya:

“Sesiapa yang membunuh diri dengan besi, maka di neraka jahanam nanti besi itu selalu di tangannya, ia menusuk-nusukkannya ke perutnya selama-lamanya. Dan sesiapa membunuh diri dengan meminum racun, maka di neraka jahanam nanti ia akan terus meminumnya selama-lamanya. Dan sesiapa membunuh diri dengan menjatuhkan diri dari gunung, maka di neraka jahanam nanti, ia akan menjatuhkan (dirinya) selama-lamanya.”

(Hadith riwayat Imam Muslim)

Imam an-Nawawi *rahimahullah* menegaskan bahawa orang yang membunuh dirinya dengan sesuatu, maka dia akan diazab di dalam neraka seperti cara dia membunuh dirinya, dan dia tidak akan masuk ke syurga kecuali dirinya seorang Islam.

Justeru, sebagai orang yang beriman, kita diajar untuk menghadapi segala bentuk ujian dengan sentiasa bersabar, bersangka baik, berfikiran positif, meyakini adanya hikmah dan kebaikan yang besar sedang menanti, dan tidak mudah berputus asa dengan rahmat Allah *subhanahu wata'ala*.

Kita juga dianjurkan untuk memanjatkan doa kepada Allah *subhanahu wata'ala* pada setiap masa dan keadaan, lebih-lebih lagi apabila kita sedang menghadapi masalah atau kesulitan dalam hidup, kerana Allah *subhanahu wata'ala* merupakan sebaik-baik tempat untuk kita mengadu dan memohon pertolongan. Yakinlah bahawa Allah *subhanahu wata'ala* Maha Pemurah dan Maha Penyayang kepada hamba-hambaNya. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah az-Zumar ayat 52 – 54:

أَوَلَمْ يَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ وَيَقْدِرُ ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ
يُؤْمِنُونَ ﴿٥٢﴾ قُلْ يَاعِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ
اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا ۚ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ﴿٥٣﴾ وَأَنِيبُوا إِلَىٰ رَبِّكُمْ
وَأَسْلِمُوا لَهُ مِن قَبْلِ أَن يَأْتِيَكُمُ الْعَذَابُ ثُمَّ لَا تُنصِرُونَ ﴿٥٤﴾

Maksudnya: *(Mengapa mereka mendakwa demikian), tidakkah mereka mengetahui bahawa sesungguhnya Allah memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Ia juga yang menyempitkannya? Sesungguhnya yang demikian mengandungi keterangan-keterangan yang jelas bagi orang yang percayakan (ilmu dan kebijaksanaan Allah). Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai hamba-hambaKu yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dia lah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. Dan kembalilah kamu kepada Tuhan kamu dengan bertaubat, serta berserah bulat-bulat kepadaNya, sebelum kamu didatangi azab; kerana sesudah itu kamu tidak akan diberikan pertolongan.*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Bagi mendapatkan ketenangan hati, maka Islam menganjurkan agar kita memperolehinya dengan memperbanyakkan mengingati Allah, melalui solat, bacaan al-Quran, zikir dan selawat serta bergaul dan mempunyai hubungan yang rapat dengan para ulama dan orang yang salih. Eratkan hubungan dengan ahli keluarga dan dapatkan sokongan daripada mereka. Pada masa yang sama, elakkan daripada menerima dan menyebarkan apa sahaja penulisan, gambar dan sebagainya yang berunsur negatif.

Jika memerlukan bantuan, berhubunglah dengan agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan yang berkaitan.

Antaranya, Majlis Islam Sarawak melalui Tabung Baitulmal Sarawak ada menyediakan bantuan dan sumbangan keperluan hidup bagi yang memerlukan. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) pula menyediakan khidmat nasihat kerohanian melalui Perkhidmatan Kaunseling Syarie, Terapi Psikospiritual Islam dan Ilaj Syarie (Rawatan Islam). Manakala Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak pula menyediakan Perkhidmatan Tele-Kaunseling Covid-19 yang beroperasi dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 5.00 petang pada setiap hari dan pelbagai lagi perkhidmatan lain yang sesuai dengan masalah yang dihadapi.

Bagi yang berkemampuan pula, bantulah mereka yang terjejas dan memerlukan pertolongan dengan ikhlas. Tingkatkan keprihatinan kepada ahli keluarga, saudara-mara, sahabat handai dan jiran tetangga yang memerlukan bantuan dan pertolongan sama ada dari segi kewangan, keperluan asas, mahupun bantuan dari segi psikologi dan moral. Mudah-mudahan urusan kita semua dipermudahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dan dikeluarkan dari segala bentuk kesusahan, *allahumma amin*.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah ini, marilah kita hayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 153:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِاسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٣﴾

Maksudnya: *Wahai sekalian orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَخَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Khatib ingin menyeru kepada semua agar terus mematuhi garis panduan dan SOP pencegahan Covid-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Masyarakat juga disaran agar segera mendaftar untuk suntikan vaksin Covid-19 kerana inilah antara ikhtiar kita dalam usaha menyekat penularan wabak ini. Semoga setiap urusan sama ada dari pihak kerajaan mahupun rakyat, dipermudahkan untuk mendapat vaksin secepatnya.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ

وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا
لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ
الْبَلَاءِ عَافِيَةً.

اللَّهُمَّ اَرْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَاَرْحَمْهُمْ،
وَعَافِهِمْ وَاَعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا اُنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. اٰمِيْن، اٰمِيْن يَا رَبَّ الْعٰلَمِيْنَ.

عِبَادَ اللّٰهِ. اِنَّ اللّٰهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ. وَاِتْيَا ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاۗءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعْظُمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ. فَادْكُرُوا اللّٰهَ
الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوْهُ عَلٰى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاَسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرِ اللّٰهِ اَكْبَرُ. وَاللّٰهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ. اَقِيْمُوا الصَّلَاةَ.